



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
EKSPLOKASI RUKUN NEGARA
PERINGKAT INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI**

2 OKTOBER 2023 (ISNIN)

10.00 PAGI

DEWAN BESAR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera, salam perpaduan, dan salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam **Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institut Pendidikan Tinggi** pada hari ini.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran YBhg. Datuk-datuk, Profesor-profesor, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil agensi, wakil-wakil Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK), para mahasiswa yang dikasihi serta tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian.
3. Terlebih dahulu, saya **merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan strategik** iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Universiti Putra

Malaysia (UPM) dan Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan seterusnya menjayakan Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institut Pendidikan Tinggi pada edisi kali ini.

LATAR BELAKANG / SEJARAH RUKUN NEGARA

Hadirin yang saya hormati,

4. Menyingkap tirai sejarah, umum mengetahui **Peristiwa 13 Mei 1969** telah mencatatkan sejarah pahit buat negara. Peristiwa tersebut telah menimbulkan ketegangan masyarakat yang mengakibatkan negara **diisytiharkan darurat** pada 16 Mei 1969 oleh Yang di-Pertuan Agong.
5. Rentetan itu juga, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan dengan matlamat mengembalikan semula keharmonian kaum di negara ini. Signifikannya ialah pembentukan **Rukun Negara sebagai falsafah** negara ke arah mewujudkan sebuah negara bangsa yang stabil.

RUKUN NEGARA ASAS PENYATUAN BANGSA

Hadirin yang saya hormati,

6. Rukun Negara adalah satu **ideologi** untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik di negara ini. Tujuan utama adalah untuk **membentuk perpaduan yang lebih kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.**

7. **Rukun Negara menjadi teras perpaduan** dalam membentuk negara tanpa mengira agama dan bangsa. Inti pati ini terangkum dalam pelaksanaan **Dasar Perpaduan Negara** yang menggariskan tiga (3) **objektif** utama iaitu:
- (i) Mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
 - (ii) Membentuk identiti nasional dengan jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab; dan
 - (iii) Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.
8. Justeru itu, usaha berterusan Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama pelbagai pihak dalam memupuk perpaduan rakyat terus disemarakkan. Ini termasuklah **inisiatif membudayakan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat Malaysia.**
9. Suka saya untuk memaklumkan, Kerajaan juga **telah pun bersetuju** supaya **sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah (cita-cita) dan diikuti dengan lima (5) prinsip Rukun Negara** dalam program-program rasmi Kerajaan termasuklah semasa majlis perhimpunan di semua sekolah dan Institut Pendidikan Tinggi.

PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA

10. Sehubungan dengan itu, Kementerian komited melaksanakan **Program Eksplorasi Rukun Negara** yang melibatkan penyertaan

pelbagai lapisan masyarakat, selari dengan *flagship* Kembara Perpaduan dalam Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian.

11. Tujuan utama **Eksplorasi Rukun Negara** adalah untuk **meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan serta pengamalan Rukun Negara**, sekali gus **membudayakannya sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia**.
12. **Eksplorasi Rukun Negara telah disempurnakan peluncurannya pada 13 Ogos 2023** oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara di Kuala Lumpur. Pelaksanaan pada ketika itu menyasarkan masyarakat umum sebagai penerima impak utama bagi keberhasilan program sebagaimana yang diharapkan.
13. Seterusnya, diikuti pelaksanaan **Eksplorasi Rukun Negara di Peringkat Sekolah dan telah dirasmikan bersama** oleh Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Pendidikan **pada 14 Ogos 2023**. Penganjurannya menyaksikan pelaksanaan lafaz ikrar penuh Rukun Negara secara serentak oleh semua sekolah di seluruh Negara. Ia menyasarkan murid-murid sekolah dan juga kanak-kanak pra-sekolah.
14. Seterusnya edaran surat pemakluman keputusan **Jemaah Menteri berhubung pelaksanaannya melibatkan penjawat awam telah dikuatkuasakan pada 25 Ogos 2023**. Alhamdulillah, sambutan yang diterima cukup baik dan kita semua dapat menyaksikan lafaz ikrar Rukun Negara di baca penuh bermula dengan mukadimah diikuti prinsip Rukun Negara semasa **Majlis Sambutan Hari Kebangsaan** di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2023. Beberapa

kementerian dan agensi kerajaan juga telah pun mula membudayakan bacaan lafaz ikrar penuh Rukun Negara dalam majlis-majlis rasmi mereka.

15. Eksplorasi Rukun Negara akan terus disemarakkan di semua peringkat. Pada hari ini, sekali lagi kita menyaksikan sambutan yang sangat baik untuk **pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara di Peringkat Institut Pendidikan Tinggi.**

RAKAN EKSPLORASI RUKUN NEGARA

Hadirin dan para pelajar yang sekalian,

16. Terdapat **empat (4) nilai teras** yang ditekankan dalam pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara iaitu:
 - (i) Patriotik dan Kenegaraan
 - (ii) Inovasi dan Teknologi Digital
 - (iii) Kesukarelawanan; dan
 - (iv) Kepimpinan dan Jati diri.
17. Pelbagai aktiviti menarik boleh disesuaikan dengan menerapkan empat (4) teras utama tersebut ke arah membudayakan Rukun Negara dalam kehidupan masyarakat kita. Para mahasiswa boleh melaksanakan **aktiviti bersesuaian mengikut pendekatan terkini, bersifat santai dan mengikut keperluan semasa** khususnya dalam era kepantasan ilmu digital kini.
18. Saya berharap, **mahasiswa di Institut Pendidikan Tinggi dapat membudayakan bacaan penuh lafaz ikrar Rukun Negara dalam setiap penganjuran majlis atau aktiviti yang bersesuaian.**

Pelaksanaannya bukan sahaja di UPM tetapi juga di semua Institut Pendidikan Tinggi yang lain.

19. Turut bersama-sama kita pada hari ini ialah sebahagian daripada ahli-ahli **Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan** yang memainkan peranan penting dalam merealisasikan penganjuran Majlis Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institut Pendidikan Tinggi ini. Saya harap perwakilan dari setiap universiti dan Institut Pendidikan Tinggi yang lain dapat mengetengahkan inisiatif ini di institut masing-masing.
20. Saya juga berharap dengan komitmen mahasiswa semua, bukan sahaja mampu menghayati dan mengamalkan cita-cita serta prinsip Rukun Negara, tetapi juga bertindak menjadi **rakan Eksplorasi Rukun Negara untuk menyemarakkan lagi penghayatan dan pembudayaannya dalam masyarakat**. Dengan *tagline* '**Sama-sama kita**' sebagai suara anak **Malaysia** bersatu mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara kita.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

21. Bagi memastikan perpaduan terus dikecapi, semua pihak khususnya mahasiswa yang merupakan generasi pewaris masa depan negara, haruslah **peka dengan Rukun Negara dan menghayati erti sebenar kewujudan Rukun Negara**. Ini kerana Rukun Negara bukan hanya untuk dihafal atau diikrarkan, tetapi ia perlu diterapkan dan diamalkan dalam kehidupan seharian kita.

22. Dengan **berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara**, saya yakin setiap masyarakat Malaysia di semua peringkat dapat mengukuhkan jati diri dan semangat cinta kepada negara, sentiasa bersatu padu menghadapi apa sahaja cabaran mendatang dan bersama-sama **merealisasikan cita-cita Rukun Negara**, demi tanah air yang tercinta ini.
23. Akhir kata, sukacita dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim '**saya merasmikan Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Institut Pendidikan Tinggi**'.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Kementerian Perpaduan Negara
27 September 2023